

INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.ijlgc.com



PERSEPSI PELAJAR NON RESIDENT (NR) BERHUBUNG
SEWAAN KEDIAMAN LUAR KAMPUS

PERCEPTIONS OF NON RESIDENT (NR) STUDENTS TOWARDS OFF CAMPUS
ACCOMMODATION

Farihana Abdul Razak^{1*}, Mohd Azian Zaidi², Iza Faradiba Mohd Patel³

¹ Fakulti Undang-Undang, UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400, Tapah Road, Malaysia.

Email: farihana@uitm.edu.my

² Program Ukur Bangunan, Jabatan Alam Bina & Teknologi, Kolej Alam Bina, UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610, Seri Iskandar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

Email: mohda763@uitm.edu.my

³ Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610, Seri Iskandar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

Email: izafa325@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 03.10.2022

Revised date: 10.10.2022

Accepted date: 30.10.2022

Published date: 12.12.2022

To cite this document:

Abdul Razak, F., Zaidi, M. A., & Patel, I. F. M. (2022). Persepsi Pelajar *Non Resident* (NR) Berhubung Sewaan Kediaman Luar Kampus. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (30), 01-13.

DOI: 10.35631/IJLGC.730001.

Abstrak:

Kapasiti kolej kediaman di dalam kampus tidak dapat menampung jumlah keseluruhan pelajar; secara tidak langsung pelajar dikehendaki mencari kediaman untuk disewa di luar kampus. Taklimat berhubung sewaan rumah kepada pelajar *Non Resident* (NR) UiTM Cawangan Perak telah diadakan bertujuan mendedahkan para pelajar tentang konsep asas undang-undang kontrak, tanggungjawab penyewa dan tuan rumah serta kesan perlanggaran syarat di dalam perjanjian sewaan. Taklimat yang dilaksanakan melalui mod secara dalam talian menggunakan platform *google meet* dan *webex* selama dua jam telah mendapat respon yang positif daripada pelajar. Objektif kajian ini adalah untuk memperhalusi dan membincangkan persepsi pelajar *Non Resident* (NR) UiTM Cawangan Perak, terhadap sewaan kediaman; iaitu bilik atau rumah sewa. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan dan deskriptif. Maklumat dan data bagi kajian ini diperolehi melalui Borang *Google* (*Google Forms*) berikutan taklimat diberikan secara dalam talian. Hasil kajian ini mendapati bahawa pelajar lebih memahami hak mereka sebagai penyewa; perjanjian sewaan dan kesan perundangan setelah taklimat disampaikan. Selain itu dapatan kajian juga mendapati taklimat berhubung sewaan kediaman di luar kampus telah dicadangkan oleh responden agar dilaksanakan pada masa hadapan sebagai peringatan serta pencerahan para pelajar.

Kata Kunci:

Pelajar *Non Resident* UiTM, Perjanjian, Sewaan Rumah, Taklimat, Undang-Undang.

Abstract:

The capacity of the residential college on campus is not able accommodate the total number of students; thus, students are required to find housing to rent off campus. A briefing on house rental for Non-Resident (NR) students of UiTM Perak Branch was held to expose the students to the basic concepts of contract law, the responsibilities of tenants and landlord and the effects of breach of terms in the rental agreement. The briefing which was conducted through an online mode using the google meet and webex platform for two hours has received a positive response from the students. The objective of this study is to refine and discuss the perception of Non-Resident (NR) students of UiTM Perak Branch, towards residential rental, i.e. a room or house for rent. This study employs qualitative methods through library and descriptive research. Information and data for this study were obtained through Google Forms following a briefing given online. The results of this study found that students better understand their rights as tenants; rental agreement and legal effects after the briefing has been delivered. In addition, the findings of the study also found that briefings regarding the rental of off-campus residences have been suggested to be implemented in the future as a reminder and enlightenment for the students.

Keywords:

UiTM Non-Resident Students, Agreement, Tenancy, Briefing, Law

Pengenalan

Setelah dua tahun melalui mod secara dalam talian, kemasukan penuh pelajar ke institusi pengajian begitu dialu-alukan dan disambut dengan baik. Namun begitu, kapasiti kolej kediaman di dalam kampus tidak dapat menampung keseluruhan jumlah pelajar dan telah menyebabkan pelajar perlu mencari kediaman sewa berhampiran dengan institusi pengajian tersebut. UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar dan Kampus Tapah turut terkesan dalam menerima jumlah keseluruhan pelajar yang akan kembali menuntut ilmu secara fizikal bagi permulaan pertama iaitu semester Oktober 2022 – Februari 2023. Cakna isu sewaan kediaman di luar kampus telah mendorong unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) bersama dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Perak mengadakan satu sesi taklimat berhubung sewaan kediaman melalui mod secara dalam talian memfokuskan pelajar-pelajar *Non Resident* (NR). Justeru, kajian ini adalah untuk mermperhalusi dan membincangkan persepsi pelajar *Non Resident* (NR) UiTM Cawangan Perak terhadap sewaan kediaman; iaitu bilik atau rumah.

Sorotan Literatur

Menurut Md Soh, Ismail, Mohd Sairi, & Ayob (2021), pendidikan adalah proses bagi melahirkan seorang insan yang berkeperibadian mulia. Penularan wabak *Covid-19* pada pengakhiran tahun 2019 telah mengubah landskap pendidikan di seluruh negara terutamanya di negara membangun. Oleh itu, kerajaan di seluruh dunia telah mengambil pendekatan dengan

menutup sementara institusi pendidikan bagi usaha mengawal dan mengekang penularan wabak *Covid-19* (Pokhrel & Chhetri, 2021 dan Bhamani et al., 2020).

Dhawan (2020) menyatakan bahawa pendekatan pembelajaran alternatif untuk menyampaikan ilmu pada era kini telah diusahakan oleh institusi pendidikan terutama apabila gelombang wabak *Covid-19* yang menyebabkan aktiviti secara bersemuka tidak dapat dilaksanakan. Perubahan dalam mod pengajaran dan pembelajaran antaranya adalah penggunaan internet sebagai medium penyampaian ilmu telah diperkenalkan dan diketengahkan (M.Kes & M.Kep, 2020). Justeru, kajian ini juga menggunakan mod secara dalam talian bagi menyampaikan taklimat dan mendapatkan data yang berkaitan. Menurut Wargadinata, Maimunah, Dewi, & Rofiq (2020), pembelajaran dalam talian dengan menggunakan aplikasi digital dapat membolehkan dan melancarkan komunikasi antara pensyarah dan pelajar.

Enrolmen pelajar yang meningkat setiap tahun menyebabkan berlakunya kekangan kemudahan kediaman pelajar di dalam kampus (Muslim, Abdul Karim, & Che Abdullah, 2018). Institusi pengajian tinggi yang didirikan di sesuatu kawasan mampu mengembangkan ekonomi setempat (Abd. Razak, Dziauddin, & Che Ngah, 2014) secara tidak langsung, permintaan terhadap kediaman untuk disewa oleh para pelajar turut meningkat dan seterusnya pemaju mendirikan rumah untuk dijual kepada masyarakat setempat. Menurut Utoh & Mohd Safian, (2021), pertambahan penduduk termasuklah pertambahan pelajar yang belajar di sesebuah institusi mendorong kepada peningkatan permintaan sewa kediaman. Johari & Irwan Hamzah (2021) mencadangkan pembangunan sistem yang sistematik dan teratur menggantikan kaedah sedia ada bagi mencari rumah sewa kerana ianya lebih mudah dan menjimatkan masa.

Menurut Sufian (2012), sewaan diantara tuan rumah dengan penyewa dikenali sebagai penyewaan kediaman persendirian. Pelajar yang menyewa di luar kampus dan berhubung secara langsung dengan tuan rumah adalah termasuk dalam kategori tersebut. Pelajar yang tinggal di luar kampus kebiasaannya akan menyewa bersama rakan-rakan mereka (Mohd Noor, Husain, Othman, Al Haadi Shafie, & Abdul Mutalib, 2016). Oleh itu, pelajar harus mengetahui bahawa mereka terikat dengan terma dan syarat yang telah dipersetujui oleh tuan rumah dan mereka sebagai penyewa. Di Malaysia, isu mengenai penyewaan kediaman merupakan sebahagian daripada undang-undang kontrak kerana hak dan kewajipan kontrak wujud di antara tuan tanah dan penyewa (Sufian, 2012).

Berdasarkan dapatan kajian Abd. Razak et al., (2014), pelajar luar kampus perlu membayar kos bulanan seperti sewa rumah, bil utiliti, pengangkutan dan barangan runcit. Md Sapir & Wan Shaffee (2020) menegaskan bahawa pelajar tertekan kerana perlu mencari bilik sewa apabila pihak universiti tidak menyediakan kolej kediaman selain perlu cuba menyesuaikan diri dengan suasana persekitaran baharu. Cabaran yang dihadapi oleh pelajar luar kampus dapat menjejaskan kesejahteraan mereka dan memberi kesan negatif terhadap pelajaran mereka (Muslim et al., 2018).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu penyelidik perlu berada dalam situasi yang dikaji, mendengar dan memerhati sendiri perkara yang ingin dikaji tersebut. Menurut Safdar, M.Abbo, Knobloch, & K.Seo (2016), kaedah kualitatif digunakan untuk mengenal pasti topik yang berkaitan dengan penyelidik. Kajian ini adalah kajian kepustakaan dan deskriptif. Salah satu kaedah penyelidikan yang digunakan bagi meneliti data teks ialah analisis kandungan kualitatif dan proses analisis data bermula dengan carian manual ataupun melalui komputer

(Hsieh & Shannon, 2005). Virginia, Victoria, Elicia, Louise, & Charlotte (2020) menerangkan kajian kualitatif menfokuskan isu sosial dan soal selidik yang dilaksanakan secara dalam talian membolehkan akses kepada data lapangan yang menjurus kepada pemerhatian, pendapat, pengalaman atau amalan. Oleh itu, reka bentuk kualitatif dalam kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif bagi mendapatkan respons yang relevan daripada pelajar *Non Resident* (NR) yang telah menghadirkan diri dalam taklimat sewaan rumah terhadap pengetahuan berhubung isu berkaitan sewaan.

Pengkaji menggunakan borang *Google (Google Forms)* dengan mengambilkira situasi semasa dan kendalian taklimat secara dalam talian. Nurmahmudah & Nuryuniarti (2020) menerangkan bahawa borang *Google (Google Forms)* diperkenalkan dalam bentuk templat atau lembaran kerja yang mudah difahami, mempunyai pelbagai bahasa, dan templat boleh digunakan secara bebas atau digabungkan bagi mengumpul maklumat daripada responden. Dalam kajian ini, soalan kaji selidik diberikan kepada pelajar *Non Resident* (NR) UiTM Cawangan Perak yang telah menghadirkan diri dalam taklimat sewaan rumah secara dalam talian bagi mengumpul data primer daripada responden. Kajian ini dijalankan pada 21 September 2022 untuk mendapatkan maklum balas dan persepsi para pelajar tentang pengalaman mencari rumah sewa dan perjanjian sewa rumah khususnya. Selain itu, kajian deskriptif yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk membincangkan secara terperinci melalui soroton literatur atau karya yang relevan berdasarkan maklum balas pelajar *Non Resident* (NR) UiTM Cawangan Perak.

Penemuan Kajian


Dalam bahagian ini, kajian membincangkan penemuan berdasarkan pemerhatian terhadap jawapan kaji selidik yang telah dihantar oleh responden. Seramai 81 responden yang telah menjawab kaji selidik secara dalam talian melalui borang *Google (Google Forms)*. Data primer ini diambil melalui kaji selidik secara dalam talian yang dijalankan oleh pengkaji terhadap pelajar daripada UiTM Cawangan Perak yang telah menghadiri taklimat sewaan secara dalam talian. Oleh itu, bagi memperhalusi persepsi pelajar berhubung dengan sewaan kediaman; iaitu bilik atau rumah sewa. Walaubagaimanapun, kajian mendapati pelajar yang mendapat kolej kediaman juga menghadiri taklimat ini. Oleh itu, data yang direkodkan berkaitan sewaan rumah ini mendapati beberapa soalan tinjauan mempunyai jawapan kurang daripada 81 responden. Namun begitu, nilai ilmu yang ingin disampaikan dan pencerahan berhubung dengan perjanjian, sewaan dan perundangan menjadi salah satu kompenan yang penting buat responden memahami sebagai bekalan ilmu tidak terhad bagi masa kajian ini sahaja.

Responden

Seramai 81 responden yang merupakan pelajar daripada UiTM Cawangan Perak yang telah menjawab soalan daripada kaji selidik secara dalam talian yang dikemukakan melalui Borang *Google (Google Forms)* terdiri daripada 11.1% pelajar Kampus Seri Iskandar dan 88.9% pelajar Kampus Tapah seperti dalam Rajah 1 dibawah. Selain itu, 35.8% pelajar adalah daripada Fakulti Perakaunan, 30.9% daripada Fakulti Sains Komputer dan Matematik, 22.2% pelajar daripada Fakulti Sains Gunaan, 8.6% pelajar daripada Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, dan 2.5% daripada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka seperti ditunjukkan dalam Rajah 2 dibawah.

UiTM Cawangan Perak


81 responses



Rajah 1: Responden

Fakulti

81 responses



Rajah 2: Fakulti


Kategori Kediaman Responden bagi Semester Oktober 2022-Februari 2023

Kajian mendapati terdapat tiga kategori pelajar yang telah menghadirkan diri ke dalam taklimat sewaan rumah secara dalam talian iaitu iaitu (i) pelajar yang mendapat kolej kediaman; (ii) pelajar yang menyewa di luar kampus dan (iii) pelajar yang tinggal di rumah keluarga seperti digambarkan dalam Rajah 3 dibawah.

Penginapan bagi sesi Oktober 2022-Februari 2023



81 responses


**Rajah 3: Kategori Kediaman Responden*****Kesukaran Mencari Kediaman Sewaan***

80.2% daripada 81 responden merasa sukar mencari kediaman sewa di luar kampus; sebaliknya, 19.8% daripada 81 responden tidak mengalami kesukaran dalam mencari kediaman untuk di sewa seperti yang dikemukakan dalam Rajah 4.

3. Adakah siswa/siswi merasa sukar mencari kediaman sewa di luar kampus?




81 responses

**Rajah 4: Kesukaran Mencari kediaman Sewa di Luar Kampus*****Bayaran Sewa Bulanan Kediaman***

Melalui penelitian, 79 responden telah menjawab berhubung bayaran sewa bulanan yang perlu dibayar. 49.4% membuat bayaran sewaan bulanan berjumlah RM100 sehingga RM140. Manakala, 35.4% responden membuat bayaran yang berjumlah RM150 sehingga RM190. Diikuti oleh 7.6% responden yang perlu membuat bayaran sewa RM200 dan 7.6% lagi membayar lebih daripada nilai RM200 seperti dalam Rajah 5.

5. Berapakah sewa bulanan rumah/bilik yang dibayar oleh siswa/siswi?

79 responses




Rajah 5: Bayaran Sewa Bulanan Kediaman

Pengalaman Pelajar Mencari Rumah Sewa

Rajah 6 dibawah menunjukkan beberapa keadaan yang merupakan pengalaman yang dihadapi oleh responden semasa mencari rumah sewa bagi semester Oktober 2022-Februari 2023. Antara berhadapan dengan penipuan (“scammer”) iaitu dengan 7.7% daripada 78 responden memberikan respon tersebut. Pengalaman berikutnya adalah penglibatan keluarga dalam pencarian rumah sewa iaitu sebanyak 61.5% daripada 78 responden bersetuju keluarga mereka terlibat bersama-sama membantu mencari kediaman sewa.


9. Pernahkah siswa/siswi berhadapan dengan 'scammer' semasa mencari kediaman di luar kampus?

78 responses



10. Semasa mencari kediaman sewaan, adakah keluarga turut serta membantu?

78 responses




Rajah 6: Pengalaman Pelajar Mencari Rumah Sewa

Selepas Taklimat

100% responden telah menjawab “Ya” bahawa (i) mereka memahami bahawa pentingnya hadir dan melihat sendiri kediaman yang ingin disewa; (ii) jelas tentang tanggungjawab sebagai seorang penyewa; (iii) tahu dan faham tentang perjanjian sewaan atau kontrak; (iv) maklum dan mengetahui bahawa melanggar syarat dalam perjanjian memberi kesan perundangan dan (v) menyatakan bahawa taklimat yang telah disampaikan memberi ilmu pengetahuan yang baharu. Hasil dapatan seperti Rajah 7.


12. Adakah selepas taklimat disampaikan, siswa/siswi memahami bahawa pentingnya hadir dan melihat sendiri kediaman yang ingin disewa?

81 responses




13. Adakah siswa/siswi jelas tanggungjawab sebagai seorang penyewa?

81 responses




14. Selepas taklimat, adakah siswa/siswi tahu dan faham tentang perjanjian sewaan atau kontrak?

81 responses




15. Selepas taklimat, adakah siswa/siswi maklum dan mengetahui bahawa melanggar syarat dalam perjanjian memberi kesan perundangan?

81 responses



16. Secara keseluruhan, adakah taklimat ini memberi ilmu baharu kepada siswa dan siswi?

81 responses



Rajah 7: Selepas Taklimat

Komen dan Cadangan

Berdasarkan data yang diperolehi, sebahagian daripada pelajar yang hadir taklimat dan menjawab soalan yang dikemukakan turut memberi komen dan cadangan seperti dalam Rajah 8 dibawah. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa taklimat berhubung sewaan rumah telah memberi ruang ilmu baharu kepada para pelajar dan memberi manfaat kepada mereka.

17. Komen atau Cadangan

32 responses

-
- tiada
- Baik dan bagus!!
- Tiada
- Perkongsian yang sangat baik dan jelas. Terima kasih Dr Farihana >3
- Penjelasan diberi dengan sangat jelas
- Taklimat yang diberikan amat membantu dan membuka mata saya tentang kepentingan memeriksa rumah dan memahami kontrak yang diberikan. Terima kasih Tuan/Puan atas taklimat yang diberi.
- Kami perlukan perkhidmatan shuttle bus sangat sangat, terima kasih
- Terima kasih atas sesi perkongsian ☐
- tiada cadangan pada masa ini

minta untuk sediakan shuttle bus bagi memudahkan perjalanan kami ke kelas
Tiada
Terima kasih madam
Taklimat yang amat menarik dan padat informasi
Sangat membantu utk clarification Alhamdulillah. Terima kasih & jelas. Semoga dipermudahkan segala urusan.
Terima kasih 😊
Terima kasih atas penyampaian ilmu yang sangat bermanfaat.
Cadangan saya ialah untuk menyediakan perkhidmatan shuttle bus kerana ramai pelajar menghadapi kesukaran untuk membawa kenderaan sendiri ke universiti.
Berharap pembelajaran secara hibrid
Terima kasih atas taklimat yang sangat membantu.
Taklimat yang disampaikan amat mudah difahami dan semua perkara penting tentang penyewaan rumah atau bilik dapat dikenalpasti dengan baik oleh pelajar. Cadangan saya adalah mengongsikan slide yang digunakan dalam taklimat kepada pelajar sebagai rujukan.
Taklimat yang sangat bermanfaat dan membantu para pelajar. Semoga taklimat sebegini berkaitan rumah sewa sentiasa dilakukan untuk masa hadapan sebagai peringatan serta pencerahan para pelajar
TIADA
TERIMA KASIH DR ATAS ILMU YANG DISAMPAIKAN. SANGAT BERMANFAAT UNTUK DIAPLIKASI DALAM KEHIDUPAN SEORANG INDIVIDU YANG SEDANG ATAU TIDAK TAHU BAGAIMANA PROSES MENYEWASATU KEDIAMAN YANG BETUL DAN MEMBERI MANFAAT KEPADA DUA BELAH PIHAK (PENYEWASATU MAHUPUN TUAN RUMAH). MUNGKIN ILMU SERINGKAS INI SUSAH SAYA NAK DAPAT MAKLUMAT DRI MANA MANA SUMBER (PELAJAR BARU NAK MULAKAN HIDUP DI LUAR ALAM UNIVERSITY) BERBANDING MAK AYAH YANG LEBIH BERPENGALAMAN DALAM MENYEWASATU KEDIAMAN DENGAN SELAMAT TANPA DISCAMMER. TERIMA KASIH BANYAK BANYAK DR. SEMOGA DR TERUS ISTIQAMAH SEDIA MEMBANTU PELAJAR YANG SEDANG MENGHADAPI MASALAH MENGENAI SEWAAN.

Rajah 8: Komen dan Cadangan

Kesimpulan

Kemasukan semua pelajar ke dalam kampus di institusi pengajian tinggi telah memberi kesan dari segi emosi dan kewangan memandangkan sebahagian daripada pelajar iaitu mahasiswa perlu mencari kediaman sewa di luar kampus. Hal ini turut disumbang oleh wabak *Covid-19* yang telah melanda negara dan seluruh dunia sekali gus mengubah landskap kehidupan termasuk dunia pendidikan. Taklimat sewaan rumah di UiTM Cawangan Perak merupakan pertama kali dianjurkan oleh pihak Majlis Perwakilan Pelajar dan Unit Hal Ehwal Pelajar dengan menjemput pensyarah daripada Jabatan Undang-Undang UiTM Cawangan Perak, dapat disimpulkan bahawa pentingnya kesedaran dan penyampaian ilmu berhubung dengan

sewaan rumah kepada pelajar mahasiswa kerana secara tidak langsung, elemen undang-undang kontrak turut menyentuh bahagian yang melibatkan pihak-pihak. Sebagai penutup, ilmu yang disampaikan bukan hanya didalam kelas semata-mata, tetapi yang memberi manfaat dan seterusnya membawa kepada kehidupan yang lebih baik.

Penghargaan

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Profesor Madya Dr. Ahmad Saiful Azlin Puteh Salin, Penolong Rektor UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah yang telah mencetuskan idea untuk penyampaian taklimat sewaan rumah kepada siswa dan siswi secara dalam talian.

Rujukan

- Abd. Razak, R. A., Dziauddin, M. F., & Che Ngah, M. S. Y. (2014). Impak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ke atas Ekonomi Setempat di Mukim Hulu Bernam Timur, Perak. *Geografi*, 2(1), 67–85.
- Bhamani, S., Makhdoom, A. Z., Bharuchi, V., Ali, N., Kaleem, S., & Ahmed, D. (2020). Home Learning in Times of COVID: Experiences of Parents. *Journal of Education and Educational Development*, 7(1), 9–26. <https://doi.org/10.22555/joeed.v7i1.3260>
- Dhawan, S. (2020). Online Learning: A Panacea in the Time of COVID-19 Crisis. *Journal of Educational Technology Systems*, 49(1), 5–22. <https://doi.org/10.1177/0047239520934018>
- Hsieh, H.-F., & Shannon, S. E. (2005). Three Approaches to Qualitative Content Analysis. *Qualitative Health Research*, 15(9), 1277–1288. <https://doi.org/10.1177/1049732305276687>
- Johari, N., & Irwan Hamzah, M. H. (2021). Find Your Home: Sistem Pencarian dan Penyewaan Rumah Sewa Berasaskan Web. *Applied Information Technology and Computer Science*, 2(1), 104–123.
- M.Kes, R., & M.Kep, N. E. M. P. (2020). Learning From Home dalam Perspektif Persepsi Mahasiswa Era Pandemi Covid-19. *Prosiding Seminar Nasional Hardiknas*, 1, 17–24. Retrieved from <http://proceedings.ideaspublishing.co.id/index.php/hardiknas/article/view/3>
- Md Sapir, A. S., & Wan Shaffee, W. A. S. (2020). Faktor Tekanan yang dialami oleh Mahasiswi: Kajian dalam Kalangan Mahasiswi di Universiti Awam Kelantan. *Persatuan Ulama' Malaysia*, 55–96.
- Md Soh, N. S., Ismail, H., Mohd Sairi, F., & Ayob, M. A. S. (2021). Nilai Murni dalam Pendidikan 5.0. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(December), 1–11.
- Mohd Noor, K., Husain, M. A., Othman, S. S., Al Haadi Shafie, A., & Abdul Mutalib, M. (2016). Keterlibatan Pelajar-Pelajar luar Kampus Universiti Sains Islam Malaysia dalam Memangkin Aktiviti Keagamaan dan Sosial Bersama Masyarakat Setempat. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 7(May), 111–131. <https://doi.org/10.12816/0029928>
- Muslim, M. H., Abdul Karim, H., & Che Abdullah, I. (2018). Well-Being of UiTM Shah Alam Students Living in Off-Campus Environment. *Asian Journal of Environment-Behaviour Studies*, 3(8), 221–228. <https://doi.org/10.21834/aje-bs.v3i8.293>
- Nurmahmudah, E., & Nuryuniarti, R. (2020). Google Forms Utilization for Student Satisfaction Survey towards Quality of Service at Universitas Muhammadiyah Tasikmalaya. *Journal of Physics: Conference Series*, 1477, 1–6. <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1477/2/022003>

- Pokhrel, S., & Chhetri, R. (2021). A Literature Review on Impact of COVID-19 Pandemic on Teaching and Learning. *Higher Education for the Future*, 8(1), 133–141. <https://doi.org/10.1177/2347631120983481>
- Safdar, N., M.Abbo, L., Knobloch, M. J., & K.Seo, S. (2016). Research Methods in Healthcare Epidemiology: Survey and Qualitative Research. *Infection Control & Hospital Epidemiology*, 37(11), 1272–1277. Retrieved from <https://scihub.se/https://doi.org/10.1017/ice.2016.171>
- Sufian, A. (2012). A Conceptual Study on Landlord and Tenant Law in Peninsular Malaysia: A Focus on Private Residential Tenancy. *International Journal of Real Estate Studies*, 7(1), 13–23.
- Utoh, S., & Mohd Safian, E. E. (2021). Kesan Pembangunan Setempat Terhadap Nilai Sewa Harta Tanah Kediaman di Parit Raja , Batu Pahat, Johor. *Research in Management of Technology and Business*, 2(2), 854–866.
- Virginia, B., Victoria, C., Elicia, B., Louise, D., & Charlotte, M. (2020). The Online Survey as a Qualitative Research Tool. <https://doi.org/https://doi.org/10.1080/13645579.2020.1805550>
- Wargadinata, W., Maimunah, I., Dewi, E., & Rofiq, Z. (2020). Student's Responses on Learning in the Early COVID-19 Pandemic. *Tadris: Jurnal Keguruan Dan Ilmu Tarbiyah*, 5(1), 141–153. <https://doi.org/10.24042/TADRIS.V5I1.6153>